

# **JURNAL PERADABAN**

**Jurnal Rasmi  
Pusat Dialog Peradaban  
Universiti Malaya**

**Jilid 2, 2009**

**Jawatankuasa Penyunting:**

Osman Bakar  
Azizan Baharuddin  
Amran Muhammad  
Mohd. Fauzi bin Hamat  
Nuwairi b. Hj. Khaza'ai

**Pusat Dialog Peradaban  
Universiti Malaya  
50603 Kuala Lumpur  
Malaysia**

# KANDUNGAN

<b>Sekapur Sirih</b>	v - vi
<b>Al-Quran Sebagai Sumber Pembangunan Tamadun Berdasarkan Perspektif Ibn Khaldun Dalam Mendepani Cabaran Semasa</b> <i>Suhaila Abdullah &amp; Mohd Sukki Othman</i>	1 - 19
<b>Bahasa Melayu Bahasa Ilmu: Telah, La-ni Dan Kelak</b> <i>Shaharir B.M.Z</i>	21 - 66
<b>Gerakan Orientalisme Di Malaysia</b> <i>Engku Ahmad Zaki Engku Alwi</i>	67 - 78
<b>Jaringan Perguruan Tarekat Malaysia-indonesia: Satu Tinjauan Terhadap Hubungan Tokoh-tokoh Tarekat Indonesia Dalam Perkembangan Tarekat Di Malaysia</b> <i>Abdul Manam Mohamad</i>	79 - 91
<b>Paradigma Wasatiyyah Dan Dialog Peradaban: Satu Analisis</b> <i>Rahimin Affandi Abd. Rahim &amp; Mohd Kamil Abdul Majid</i>	93 - 118
<b>Biodata Penulis</b>	119 - 122
<b>Panduan Penulisan Artikel/Ulasan Buku</b>	123 - 123

## **Sekapur Sirih Dari Ketua Editor**

Jilid Kedua Jurnal Peradaban terbitan Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya yang berada ditatapan pembaca menghimpunkan lima makalah yang menekuni pelbagai dimensi peradaban. Antara dimensi peradaban yang diteliti dalam makalah-makalah tersebut termasuklah (1) sorotan dari al-Qur'an mengenai pembangunan tamadun dari perspektif Ibn Khaldun; (2) perkembangan, peranan, cabaran dan kesinambungan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu dalam konteks negara Malaysia; (3) sejarah gerakan Orientalisme di Malaysia; (4) jaringan tarikat-tarikat di Malaysia dan Indonesia; dan (5) cadangan paradigma wasatiyyah dan dialog peradaban dari perspektif Islam.

Suhaila Abdullah dan Mohd Sukki Othman melalui makalah 'Al-Qura'an sebagai Sumber Pembangunan Tamadun berdasarkan Perspektif Ibn Khaldun dalam Mendepani Cabaran Semasa' cuba mengungkap idea dan pemikiran Ibn Khaldun bagi menghadapi cabaran kehidupan kontemporari. Pemakalah berkesimpulan bahawa dari idea dan pemikiran Ibn Khaldun ternyata bahawa penghayatan isi-kandungan al-Qur'an dan pegangan agama yang mantap adalah faktor penting dalam menentukan keutuhan dan kesinambungan tamadun juga dalam menghadapi cabaran kontemporari.

Profesor Shaharir Mohd Zain mempersembahkan 'Bahasa Melayu Bahasa Ilmu: Telah, Lani dan Kelak' sebagai satu kajian penuh teliti dari pelbagai sudut berkaitan dengan kedudukan dan peranan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu di Tanah terbitnya bahasa itu sendiri. Beliau memulakan perbincangan dengan mengemukakan senario bahasa-bahasa ibunda dalam konteks dunia kontemporari khususnya apa yang disebut bahasa negara-negara maju. Beliau membuktikan bahawa bahasa negara-negara maju secara majoriti adalah bahasa ibunda masing-masing. Beliau seterusnya menghuraikan secara terperinci sejarah perkembangan Bahasa Melayu dari Abad Pertama Masihi

sehinggalah ke Abad ke 13 sekaligus menunjukkan betapa Bahasa Melayu telah lama bertapak sebagai *lingua franca* ilmiah masyarakat sebelah sini. Pemakalah kemudiannya menyorot perkembangan dan cabaran yang dilalui oleh Bahasa Melayu dalam memastikan martabat sebagai Bahasa Ilmiah juga Bahasa Janapada terus terjamin dan dipertahankan.

Engku Ahmad Zaki Engku Alwi melalui makalah ‘Gerakan Orientalisme di Malaysia’ menelusuri pengaruh pemikiran dari gerakan Orientalisme seawal penjajahan Portugis, Belanda dan Inggeris yang menimpa Tanah Melayu. Pemakalah memulakan bicara dengan mendefinisikan Orientalisme khususnya dari penjelasan sarjana Timur Tengah. Dikemukakan juga karya-karya Orientalisme dikalangan pegawai-pegawai penjajah di Tanah Melayu.

Abdul Manam Mohamad dalam makalah ‘Jaringan Penguruan Tarikat Malaysia-Indonesia: Satu Tinjauan Terhadap Hubungan Tokoh-Tokoh Tarikat Indonesia dalam Perkembangan Tarikat di Malaysia’ menghuraikan perhubungan erat yang berterusan antara generasi pengasas-pengasas tarikat Indonesia dan Malaysia. Pemakalah menyorot peranan tokoh-tokoh utama dalam proses perhubungan dan kesinambungan tarikat tersebut yang masih wujud sehingga ke hari ini.

Akhir sekali, Rahimin Affandi Abd. Rahim dan Mohd Kamil Abdul Majid dengan makalah ‘Paradigma Wasatiyyah dan Dialog Peradaban: Satu Analisis’ mengutarakan satu perspektif Islam dalam menjayakan inisiatif dialog peradaban. Diawal makalah mereka, pemakalah memperkenalkan konsep dan faham wasatiyyah dalam Islam. Kemudiannya mereka menghuraikan peranan wasatiyyah sebagai asas pemahaman dan penghayatan Islam. Persoalan wasatiyyah sebagai asas kajian keilmuan Islam turut menjadi perhatian pemakalah. Akhirnya pemakalah memperincikan sikap penganut Islam terhadap Dialog Peradaban berdasarkan analisis paradigma wasatiyyah merujuk kepada dua bentuk penerimaan iaitu i) golongan liberalis-sekularis dan ii) golongan konservatisme dan fundamentalis melampau.

**Amrah Muhammad PhD**  
**Timbalan Pengarah**  
**Pusat Dialog Peradaban**